

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2019 [SELASA]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan beberapa EOT telah dikeluarkan oleh KPKT di bawah pentadbiran BN dan pentadbiran PH, rasional untuk mengeluarkan setiap EOT, nama pamaju dan dan nama projek perumahan yang mendapat kelonggaran ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, *Extension of Time (EOT)* diberikan kepada pemaju berdasarkan pertimbangan perkara-perkara berikut:

- a. Terdapat kekangan atau arahan daripada Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan penetapan had waktu masa bekerja di tapak;
- b. Terdapat arahan untuk mematuhi keperluan infra seperti *Integrated Water Supply Scheme (IWSS)*;
- c. Ketinggian bangunan melebihi 30 tingkat;
- d. Mempunyai pembinaan podium/*basement*;
- e. Keadaan muka bumi yang memerlukan kerja tambahan untuk memastikan kekukuhan struktur bangunan;
- f. Terdapat pemajuan bersepadu dan berfasa di mana sesuatu pembangunan perlu disiapkan kerja-kerja infra terlebih dahulu sebelum pembangunan fasa lain boleh diteruskan;
- g. Mengambil kira kedudukan lokasi dan projek sekitar yang dilaksanakan; atau
- h. Isu sentimen kawasan seperti sekolah yang mempunyai kekangan masa dan jenis kerja.

2. Berikut adalah statistik kelulusan EOT dari tahun 2017 hingga 2019:

Tahun	2017	2018	2019 <i>(sehingga Julai 2019)</i>
Perkara			
Jumlah Permohonan	137	119	61
Permohonan Diluluskan	93	93	46
Permohonan Ditolak	44	26	15

3. Secara dasarnya, EOT hanya dipertimbangkan bagi projek yang belum mempunyai pembeli. Pembeli mempunyai hak untuk membuat keputusan membeli pemajuan yang mempunyai tempoh pembinaan yang panjang/lama.

4. Berdasarkan Peraturan 11(3) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 (Akta 118) & Peraturan-Peraturan menyatakan bahawa:

Jika Pengawal berpuas hati bahawa oleh kerana hal keadaan yang khas atau kesusahan atau keperluan mana-mana peruntukan dalam kontrak jualan tidak boleh atau tidak perlu dipatuhi, ia boleh, dengan perakuan bertulis, mengetepikan atau mengubahsuaikan peruntukan berkenaan:

Dengan syarat bahawa tiada pengecualian atau ubah suaian sedemikian boleh diluluskan sekiranya permohonan baginya dibuat selepas tamat tempoh masa penyerahan pemilikan kosong di bawah kontrak jualan atau selepas tempoh sah apa-apa lanjutan masa jika ada, yang diberikan oleh Pengawal

Sekian, terima kasih.